

17/06/2002

Tidak perlu kuota Bumiputera ke IPTS'

aiman

INSTITUSI pengajian tinggi swasta (IPTS) tiada halangan memperuntukkan lebih banyak kuota kepada pelajar Bumiputera dengan syarat mereka mempunyai kemampuan membayar yuran pengajian ditetapkan.

Presiden, Persatuan Kebangsaan Institusi Pendidikan Swasta (Napie), Dr Mohamed Thalha Alithamby, berkata sebenarnya tidak timbul isu kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTS.

Katanya, IPTS termasuk kolej swasta sentiasa terbuka kepada siapa saja tanpa mengira kaum, malah sesetengahnya menawarkan biasiswa dengan tujuan menarik pelajar Bumiputera melanjutkan pengajian di IPTS mereka.

Beliau berkata, kekurangan pelajar Bumiputera mengikuti pengajian di kolej swasta, bukan berpunca daripada persaingan mendapatkan tempat.

Sebaliknya, katanya, disebabkan ramai pelajar Bumiputera memilih institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan tidak berminat memasuki IPTS kerana pelbagai sebab termasuk yurannya yang lebih tinggi.

"Tiada guna kuota diperkenalkan jika ia gagal diisi oleh pelajar Bumiputera. Ini kerana akhirnya yang menerima kerugian ialah pengusaha institusi pendidikan itu sendiri kerana tempat yang sepatutnya diisi terpaksa dibiarkan kosong.

"Ramai pengusaha IPTS yang berminat menawarkan peluang kepada pelajar Bumiputera tetapi malangnya keluarga pelajar terbabit tidak bersedia membiayai yuran pengajian anak mereka kerana yurannya yang tinggi berbanding IPTA.

"Kami tiada halangan menawarkan seberapa banyak tempat kepada pelajar Bumiputera untuk melanjutkan pengajian ke kolej dalam naungan Napie, tetapi mereka perlu menepati syarat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan pelbagai pihak termasuk Pemuda Umno agar IPTS memperuntukkan kuota 10 peratus kepada pelajar Bumiputera bagi mengurangkan jurang perbezaan pelajar bukan Bumiputera di IPTS.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, sebelum itu berkata, kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTS tidak memerlukan kuota dan Kolej Tunku Abdul Rahman (Kolej TAR) kendalian MCA tidak akan menghadkan sebarang kuota untuk kaum itu.

Dr Ling yang juga Pengerusi Majlis Kolej TAR berkata, institut itu akan cuba menerima seramai mungkin pelajar Bumiputera asalkan mereka mengemukakan permohonan.

Perdana Menteri ketika mengulas perkara itu, Jumaat lalu, berkata sebarang langkah untuk mengenakan sistem kuota bagi pengambilan pelajar Bumiputera ke IPTS akan menyekat serta menghadkan jumlah kemasukan lebih ramai mereka ke situ.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, jika kuota 10 peratus diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera untuk memasuki IPTS, bermakna hanya jumlah itu saja boleh masuk sedangkan ramai lagi yang layak.

"Mengapa perlu menetapkan 10 peratus jika kita boleh mempunyai 40, 60 atau 100 peratus (Bumiputera ke IPTS). Sudah ada universiti swasta di mana kita ada sejumlah besar (pelajar Bumiputera).

"Jika anda kata 10 peratus, anda sebenarnya menghadkan mereka. Jika mereka layak, mereka tidak sepatutnya dikurangkan kepada 10 peratus saja tetapi harus dibenarkan masuk seberapa banyak," katanya.

Selain Pemuda Umno, Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) turut mencadangkan kerajaan mewajibkan IPTS melaksanakan sistem kuota.

Syor sistem kuota untuk IPTS itu timbul semula berikutan langkah kerajaan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera ke MRSM.

Kabinet Rabu lalu pula memutuskan bilangan pelajar Bumiputera di IPTS harus ditingkatkan sejajar saranan Pergerakan Pemuda Umno.

Dr Mohamed Thalha berkata, ketika ini Napie dianggotai 75 IPTS dengan jumlah keseluruhan pelajar Bumiputera hanya 20 peratus.

Katanya, kursus yang menarik perhatian kaum berkenaan ialah perniagaan, kejuruteraan awam dan undang-undang.

Katanya lagi, satu lagi punca yang menyebabkan pelajar Bumiputera kurang berminat menyambung pengajian ke kolej swasta ialah kebanyakan institusi itu menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar berbanding bahasa Melayu di IPTA.

Mengenai kualiti kursus, beliau menegaskan, hampir semua kursus ditawarkan mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan selebihnya sedang menanti jawapan, sekali gus membuktikan ia bermutu tinggi.

Malah, katanya, sebahagian besar institusi pendidikan swasta mempunyai jalinan kerjasama dengan universiti luar negara bagi menjalankan program akademik secara berkembar.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kolej Swasta Malaysia (Mapco), Tengku Shamsul Bahrin turut mengakui, selain menepati syarat akademik yang ditetapkan, kemampuan membiayai yuran pengajian adalah syarat penting melanjutkan pengajian ke IPTS.

Sehubungan itu, katanya, semua kolej swasta yang bernaung dalam Mapco tidak pernah menetapkan sebarang kuota kepada mana-mana kaum, sebaliknya pemilihan pelajar berasaskan akademik dan kemampuan membayar yuran pengajian.

Beliau berkata, masalah yang timbul di kalangan pelajar Bumiputera ialah tidak mempunyai penaja atau biasiswa untuk membiayai pengajian mereka di IPTS berbanding mereka yang menerima tawaran di IPTA.

"Siapa saja layak melanjutkan pengajian ke IPTS tanpa tertakluk kepada kuota kaum yang ditetapkan asalkan mereka berkemampuan membayar yuran dan menepati syarat kemasukan yang ditetapkan," katanya.

Mengenai jumlah IPTS menganggotai Mapco dan peratus pelajar Bumiputera, Tengku Shamsul berkata, ketika ini ada 50 kolej menganggotai Mapco, manakala jumlah pelajar Bumiputera hanya kira-kira 10 peratus.

Beliau yang juga Presiden Nilai College, berkata jumlah pelajar Bumiputera yang menuntut di kolej itu jauh lebih rendah berbanding kaum lain.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak boleh dipertikaikan kerana kaum lain sanggup dan mampu membiayai yuran pengajian yang dikenakan, mungkin kerana peluang memasuki IPTA lebih terhad berbanding pelajar Bumiputera.

Katanya lagi, penetapan kuota tidak dapat mengimbangi jurang perbezaan itu kerana tempat yang disediakan hanya sia-sia jika keluarga terbabit tidak bersedia membiayai yuran pengajian anak mereka.

"IPTS yang menganggotai Mapco bersedia menawarkan tempat kepada semua pelajar Bumiputera asalkan keluarga mereka mampu membiayai yuran pengajian yang kami kenakan," katanya.

Tengku Shamsul berkata, mutu kursus di IPTS yang menganggotai persatuan itu amat tinggi dan sebahagian besar program diiktiraf oleh LAN atau Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

"Tidak dapat dinafikan kewujudan lebih banyak IPTS membantu membuka peluang kedua kepada pelajar yang tidak berjaya ke IPTA meneruskan cita-cita mereka, namun begitu masalah kewangan keluarga menjadi penghalang.

"Tiada perlu memberi kuota kepada pelajar Bumiputera sekiranya mereka tidak bersedia mengisinya kerana masalah kewangan dan mempunyai peluang

lebih baik di IPTA," katanya.
(END)